

Profesionalisme bukan untuk menindas

BH. 15 NOV 1985

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri hari ini kurang senang dengan amalan monopoli badan-badan profesional termasuk peguam sehingga menjadikan kedudukan itu untuk menentukan syarat dan bayaran perkhidmatan yang perlu dibayar oleh masyarakat.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, badan-badan profesional itu lebih berjaya kerana mereka mengambil langkah memastikan badan itu tertutup dan akibatnya ia lebih mementingkan kepentingan anggota daripada masyarakat dan negara.

"Mereka mengekalkan keadaan kekurangan bekalan supaya permintaan melebihi penawaran. Dalam keadaan ini, apa jua monopoli sudah tentu dapat meletakkan syarat-syaratnya," tambahnya.

Oleh itu, katanya, tidaklah hairan mengapa badan-badan profesional

itu dapat mengekalkan taraf hidup yang tinggi di kalangan anggotanya.

Ketika merasmikan Persidangan Undang-Undang Malaysia kelapan, Perdana Menteri menegaskan, profesional mestilah jujur, amanah dan adil.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun amalan menipu pelanggan bukan kesalahan jenayah, tetapi ia adalah kesalahan moral.

"Dalam amalan perundangan, amalan menipu dan tidak jujur adalah satu kecelakaan, malah lebih jahat kerana ia sering membabitkan nyawa dan masa depan pelanggan," tambahnya.

Sehubungan itu, katanya, peguam tidak harus membabitkan diri secara emosi dan mempengaruhi pelanggan dengan dakyah atau kepercayaan serta perasaan mereka.

Jahat

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, perkembangan seumpama ini semakin jelas sejak akhir-akhir ini.

Katanya, walaupun ada kes-kes peguam terpaksa berurusan dengan pelanggan yang tidak jujur, tetapi bagi pihak peguam mereka hendaklah seboleh-bolehnya bersikap jujur demi profesion dan kedudukan mereka dalam masyarakat.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, pada dasarnya profesional di negara ini tidak boleh dianggap memuaskan kerana mereka belum mencapai mutu profesionalisme yang tinggi seperti yang diharapkan.

Katanya, untuk mencapai tahap profesional, seseorang itu mesti mahir, bertanggungjawab kepada masyarakat dan menyerahkan sepenuhnya khidmat mereka untuk kepentingan pelanggan.

Katanya, ahli profesional diharapkan dapat merangka rancangan-rancangan bagi melindungi orang ramai daripada dipergunakan.